

KUCHING, 6 SEPT. (BERNAMA)—DATUK SRI DR. MAHATHIR MOHAMAD TELAH MENYERU BUMIPUTERA MENGEKALKAN PERPADUAN UNTUK MEMBINA SEBUAH MASYARAKAT YANG KUAT BAGI MENGHADAPI SEBARANG CABARAN. TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEGASKAN WALAUPUN BUMIPUTERA TELAH MULA BERJAYA MEREKA MASIH MERUPAKAN KUMPULAN YANG LEMAH.

BERUCAP DI MAJLIS RAMAH TAMAH HARIRAYA ANJURAN PENDUDUK-PENDUDUK KAMPUNG BERSIK DEKAT SINI MALAM TADI, BELIAU BERKATA PIHAK YANG TIDAK SUKA MELIHAT PERPADUAN WUJUD DI KALANGAN BUMI-PUTERA.

DATUK SRI DR. MAHATHIR YANG JUGA TIMBALAN PRESIDEN UMNO MENEGASKAN MASANYA SUDAH TIBA BAGI KAUM BUMIPUTERA MENGUKUHKAN PERPADUAN SUPAYA DALAM PILIHANRAYA AKAN DATANG SEBUAH KERAJAAN YANG BENAR-BENAR BERJUANG UNTUK KEPENTINGAN RAKYAT DAPAT DIWUJUDKAN.

—BERSAMBUNG 1208/AH

££

B511

MAHATHIR-RAMAH 2 KUCHING

BUMIPUTERA TIDAK PERLU MENUBUHKAN PARTI-PARTI POLITIK YANG LAIN KERANA SARAWAK SUDAH MENCAPAI KEMAJUAN PESAT DAN TINDAKAN INI HANYA AKAN MEMECAH BELAHKAN PERPADUAN DI KALANGAN MEREKA.

DATUK SRI DR. MAHATHIR BERKATA, TIDAK ADA PARTI LAIN SELAIN BARISAN NASIONAL YANG DAPAT MEMBENTUK SEBUAH KERAJAAN DI SARAWAK DAN MENGUNDI PEMBANGKANG DAN CALON-CALON BEBAS AKAN MERUGIKAN PARA PENGUNDI ITU SENDIRI.

KATANYA, PEMBANGKANG HANYA DATANG TERJUMPA RAKYAT KETIKA MENGHADAPI PILIHANRAYA DAN AKAN MENGHILANG DIRI APABILA PILIHANRAYA SELESAI, KERANA TUJUAN MEREKA BERTANDING HANYA UNTUK KEPENTINGAN DIRI.

BELIAU MENGINGATKAN RAKYAT SARAWAK SUPAYA TERUS MEMBERI KEPERCAYAAN KEPADA BARISAN NASIONAL KERANA IA TELAH MEMBUKTIKAN KEMAMPUANNYA MEMBAWA PEMBANGUNAN DAN MENGEKALKAN PERPADUAN DI KALANGAN RAKYAT.

DATUK SRI DR. MAHATHIR BERKATA, MEMANG PAKAI ADA PEMBANGKANG TETAPI ITU HANYA UNTUK NEGARA-NEGARA YANG SUDAH KAYA TETAPI MALAYSIA MASIH LAGI SEDANG MEMBANGUN KERANA ITU ADANYA PEMBANGKANG YANG RAMAI AKAN MEMPANTUTKAN USAHA PEMBANGUNAN.

—BERSAMBUNG 1215/AH

MAHATHIR-RAMAH 3 KUCHING

MENURUTNYA, PARTI-PARTI PEMBANGKANG MENANGGUK DI AIR KERUH DAN KALAU MASYARAKAT BERPECAH BELAH MEREKA TIDAK PEDULI KERANA MEREKA HANYA MEMENTINGKAN DIRI SENDIRI.

BELIAU MENYERU RAKYAT SARAWAK MEMILIH CALON-CALON BARISAN NASIONAL DI HARI PEMBUANGAN UNDI KELAK.

SEMENTARA ITU KETUA MENTERI SABAH DATUK HARRIS SALLEH YANG JUGA BERUCAP BERKATA TIDAK ADA SEBAB YANG PARTI BERJAYA HARUS MENYOKONG PAJAR ATAU LAIN-LAIN PARTI PEMBANGKANG.

BELIAU YANG JUGA PRESIDEN BERJAYA BERKATA HUBUNGAN ANTARA KERAJAAN NEGERI SABAH DENGAN SARAWAK SENTIASA BAIK DAN MEREKA MEMPUNYAI MASALAH YANG SAMA.

DATUK HARRIS BERHARAP BARISAN NASIONAL DAPAT MEMENANGI SEMUA KERUSI DALAM PILIHANRAYA ITU KERANA KEMAJUAN YANG DICAPAI DI SARAWAK AKAN JUGA DINIKMATI OLEH SABAH.

—BERNAMA 1219/AH